

## MENGGAGUMI SYARI'AT ISLAM MENERUSI AYAT AL-QUR'AN : SATU PENILAIAN DARI SUDUT SAINTIFIK

Oleh:

Azniwati Abdul Aziz (azniwati@usim.edu.my)

Mohamed Akhiruddin Ibrahim

Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff

Ilmu I'jaz al-Qur'an terbahagi kepada beberapa bahagian antaranya *I'jaz Balaghi, Ilmi, Lughawi, Falaki, Adadi, Thibbi, I'lami, Tabi'i dan Tasyri'i*. Kepelbagaian mukjizat ini membuktikan bahawa ia merupakan kitab dari Allah s.w.t yang diutuskan kepada umat manusia untuk dijadikan panduan hidup. Antara mukjizat yang boleh diperhatikan terdapat dalam kitab suci ini ialah *I'jaz Tasyri'i*. Oleh itu artikel ini menumpukan kajian terhadapnya melalui pandangan para sarjana mengenai ayat al-Qur'an yang membincangkan keunikan syari'at Islam. Ia bertujuan untuk melihat kehebatan dan keunggulan al-Qur'an khususnya dalam bidang syariah dari pandangan sains. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan mengumpul contoh ayat al-Qur'an dalam bidang tersebut kemudian dibuat klasifikasi mengikut aspek ibadat, muamalat, uqubah, dan ahwal sakhsiyyah. Hujah saintifik yang dikemukakan oleh ilmuan terhadap ayat berkenaan dalam menilai hikmah pensyariat dipamerkan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati, dari sudut saintifiknya bahawa syariat yang diutuskan oleh Allah s.w.t melalui kitab-Nya adalah untuk kebaikan umat manusia itu sendiri. Maka ia secara tidak langsung membuktikan bahawa Pencipta bagi sesuatu adalah lebih mengetahui tentang hakikat, kelebihan dan kelemahan makhluk yang dicipta-Nya.

*Kata Kunci: Syari'at, al-Qur'an, Saintifik, I'jaz.*

## 1. Pengertian I'jaz al-Quran

Perkataan *i'jaz* diambil dari kata kerja *ajaza-i'jaz* yang bererti melemahkan atau menjadikan tidak mampu. Pengertian ini sesuai dengan firman Allah s.w.t dalam al-Maidah ayat 31 yang berbunyi:

□ □ يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ

Ertinya:

” (Qaabiil) berkata: *Wahai celakanya aku! Alangkah lemah serta bodohnya aku, aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya aku dapat menimbuskan mayat saudaraku?*”

Surah al-Maidah (5) :31.

Menurut al-Qattan *i'jaz* bermaksud, ”memperlihatkan kebenaran Nabi s.aw. atas pengakuan kerasulannya, dengan cara membuktikan kelemahan orang Arab dan generasi sesudahnya untuk menandingi kemukjizatan al-Qur'an”. Pelakunya (yang melemahkan) dinamakan *mu'jiz* dan apabila ia mampu melemahkan pihak lain dengan ketara sehingga mampu mengalahkan lawan, ia dinamakan sebagai mukjizat<sup>1</sup>. Dalam hal ini mukjizat didefinisikan oleh para pakar agama Islam sebagai suatu hal atau peristiwa luara biasa yang terjadi melalui seseorang yang mengaku nabi, sebagai bukti kenabiannya, sebagai tentangan bagi orang yang ragu, untuk melakukan atau mendatangkan hal serupa, tetapi tidak melayani tentangan itu. Namun begitu merumuskan bahawa mukjizat itu merupakan suatu kejadian yang keluar dari kebiasaan, disertai dengan unsur tentangan, dan tidak akan dapat ditandingi<sup>2</sup>. Untuk memahami definisi *i'jaz* al-Qur'an dengan lebih jelas, menerangkan bahawa *i'jaz* al-Quran adalah ilmu al-Qur'an yang membahas kekuatan susunan lafaz dan kandungan al-Qur'an, sehingga dapat mengalahkan ahli-ahli Bahasa Arab, dan ahli-ahli lainnya.

## 2. Pengertian I'jaz Tasyri'i

---

<sup>1</sup>Al-Qattan, Manna' (t.t), *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 258-260.

<sup>2</sup> 'Abd al-Razak Nawfal (1987), *al-I'jaz al-'Adadi li al-Quran al-Karim*, Kaherah : Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 85.

Terdapat pelbagai bentuk i'jaz terkandung di dalam al-Quran setelah dikaji dan dihayati isi kandungannya. Antara bahagian i'jaz tersebut adalah i'jaz balaghi, i'jaz ilmi, i'jaz lughawi, i'jaz thibbi, i'jaz falaki, i'jaz 'adadi, i'jaz i'lami, i'jaz tabi'i dan lain sebagainya. I'jaz tasyri' pula bermaksud i'jaz yang ditinjau dari sudut perundangan tentang hikmah sesuatu perkara itu disyariatkan<sup>3</sup>.

I'jaz tasyri' juga merupakan satu daripada bahagian atau bentuk i'jaz yang ditemui menerusi ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan pensyariatan atau perundangan. Menurut ahli sarjana, i'jaz tasyri' bermaksud kemukjizatan dari segi pensyariatan hukum-hukum ajarannya yang muncul pada masa penetapan hukum-hukum syari'at islam<sup>4</sup>.

Beberapa ketetapan dan peraturan dinyatakan dengan jelas di dalam al-Qur'an seperti peraturan berkenaan pemerintah Islam. Pemerintah mesti melaksanakan pemerintahan berdasarkan prinsip musyawarah dan prinsip persamaan serta melarang kekuasaan peribadi.

Firman Allah s.w.t dalam surah Ali Imran ayat 159:

فَقِفْ

*"Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu"*

Surah Ali Imran (3) : 159.

Di dalam pemerintahan Islam, tasyri' itu tidak boleh diabaikan dan ditinggalkan. al-Qur'an telah menetapkan bahawa apabila tasyri' tidak dituruti, hukumnya kafir, zalim, dan fasik.

Firman Allah s.w.t:

أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

*"Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah kerana mengingkarinya, maka mereka itulah orang yang kafir"*

Surah al-Maidah (5) : 44

---

<sup>3</sup> Muhammad Ismail Ibrahim (t.t.), *Al-Quran wa I'jazuh al-'Ilmi*, Kaheerah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 22-24.

<sup>4</sup> Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah (1992). *Al-Bayan fi I'jaz al-Quran*, Amman : Dar 'Ammar li al-Nashr wa al-Tawzi', h. 98.

Al-Qur'an juga turut meletakkan perundangan yang ditetapkan bentuk dan kadar pelaksanaannya dengan jelas kepada manusia dalam menjalani kehidupan di dunia. Ia bermaksud untuk memelihara perkara-perkara utama yang berkaitan dengan kehidupan manusia iaitu agama, jiwa, akal, nasab (keturunan) dan harta benda. Disediakan hukum murtad untuk memelihara agama, terdapat hukum qisas untuk memelihara jiwa, diharamkan minum arak untuk memelihara akal, diharamkan zina untuk memelihara keturunan dan terdapat hukuman potong tangan untuk memelihara harta benda.

Firman Allah s.w.t:

پ پ پ ن ن ن ذ ذ ذ

*“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat”*

Surah al-Nur (24) : 2.

### **3. Objektif I'jaz al-Quran**

Dari pengertian yang telah diuraikan di atas, dapat difahami bahawa terdapat pelbagai tujuan atau kepentingan i'jaz al-Quran<sup>5</sup>, antaranya ialah :

- 1).Membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w yang membawa mukjizat kitab al-Qur'an itu adalah benar-benar seorang nabi dan rasul Allah. Beliau diutus untuk menyampaikan ajaran-ajaran Allah kepada umat manusia.
  
- 2).Membuktikan bahawa kitab al-Quran itu adalah benar-benar wahyu Allah, bukan buatan malaikat Jibril dan bukan tulisan nabi Muhammad s.a.w. Pada hakikatnya mereka juga tidak mampu mencipta walau sebaris ayat setanding kehebatan al-Quran. Oleh itu jelaslah sesungguhnya al-Quran itu bukan buatan manusia.

---

<sup>5</sup> 'Abbas, Fadhl et. al., (1991), *I'jaz al-Quran al-Karim*, Amman: Dar al-Furqan, h. 46-48

3).Menunjukkan kelemahan mutu sastera dan balaghah bahasa manusia khususnya bangsa arab. Setelah dicabar oleh Rasulullah s.a.w, terbukti bahawa tidak ada pakar-pakar pujangga sastera dan seni bahasa Arab yang mampu menandingi al-Quran walau dalam apa jua bentuk samada sebuah kitab atau satu surah, malah mereka juga tidak mampu mendatangkan walau sebaris ayat setanding al-Quran.

4).Menunjukkan kelemahan diri dan keupayaan umat manusia yang tidak sebanding dengan keangkuhan dan kesombongan mereka. Mereka ingkar, tidak mahu beriman dan bersikap sombong untuk menerima kebenaran al-Quran.

#### 4. Penilaian Sainifik Terhadap I'jaz Tasyri'i

Ayat-ayat yang menyebut tentang pensyariatan dalam al-Quran terbahagi kepada pelbagai aspek perundangan yang berkaitan dengan kehidupan manusia seperti aspek ibadat, muamalat, *jinayah* dan *'uqubah* serta kekeluargaan. Hukum-hukum yang telah disyariatkan ini bersifat lengkap dan wajib dipatuhi dan ditaati seluruh manusia sehingga hari kiamat. Kewajipan mahupun larangan yang terkandung dalam syariat Islam memiliki keunggulan yang hebat berbanding undang-undang lain. Kesyumulan yang terkandung dalam pensyariatan ini bukan hanya indah dari sudut falsafah, atau tinggi nilai dari sudut akhlak, malah dari sudut saintifik ia menyimpan jutaan hikmah dan faedah kepada manusia sejagat. Antara penilaian saintifik terhadap ayat yang diperhatikan ialah contoh-contoh seperti berikut:

##### 4.1 Kewajipan mandi

Firman Allah s.w.t;

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهُ  
فَمَا يَكْفُرُ لِمَصَّاهُ  
سِوَا اللَّهِ فَحَسْبُ  
عِلْمُهُ الْإِسْمُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ  
عَلَى كُلِّ  
حَالٍ  
مَدِيدٌ

Ertinya:

“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar apa yang kamu katakan. Dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu dalam keadaan junub kecuali kamu hendak melintas sahaja hingga kamu bersuci.”

Surah al-Nisa' (4) : 43

Mandi dengan air suam berfungsi untuk membuka seluruh liang-liang tubuh dan menormalkan pernafasan sel-sel tubuh. Sel-sel tubuh ini sememangnya memerlukan aktiviti pernafasan yang sama seperti makhluk hidup yang lain<sup>6</sup>. Ia juga membantu meremajakan sel-sel yang rosak dan hancur. Selain itu ia juga boleh mengurangkan potensi penyakit cirit birit kerana mandi membantu pencernaan yang baik.

Mandi dengan air sejuk boleh membuat seluruh sel tubuh beserta pembuluh darah dan uratnya menyusuti semula setelah mengembang. Ia membantu melindungi penyakit jantung dan pembuluh darah kerana ia memacu aktiviti pernafasan dan meningkatkan kadar denyutan dan tekanan dalam skala yang wajar.

Dalam konteks perubatan moden<sup>7</sup>, mandi selepas bersetubuh sangat disarankan kerana ia dapat mengaktifkan peredaran darah lelaki dan perempuan, membersihkan liang-liang kulit dari peluh yang mengandungi racun sebelum ia menyerap kembali dan menyebabkan penyakit. Mandi ini juga membantu meningkatkan tenaga tubuh dan jiwa dari kelemahan yang dirasakan dari luar dan dalam diri.

## 4.2 Pengharaman riba

Firman Allah s.w.t: dalam Surah al-Baqarah ayat 279:

لَٰكُفُورُ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ وُؤُؤْ

Ertinya;

*“Maka jika kamu tidak melakukan (perintah tinggalkan riba itu) maka ketahuilah Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”*

Surah al-Baqarah (2) : 279

---

<sup>6</sup> Al-Syarif, 'Adnan (1995), *Min 'ilm al-Tib al-Qur'ani*, Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin h. 245-246.

<sup>7</sup> Yusuf Al-Hajj Ahmad (2009), *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran dan Sunnah*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, h. 981.

Kajian pakar-pakar ekonomi Amerika Syarikat telah menyokong dan membenarkan peringatan al-Quran tentang bahaya riba. Mereka menegaskan bahawa ekonomi Amerika Syarikat dalam tempoh selama tiga puluh hingga lima puluh tahun, kitaran wang di negara tersebut hanya tertumpu dan dikuasai oleh kelompok seramai lima puluh buah keluarga sahaja. Bakinya pula tidak memiliki apa-apa kekayaan kerana system riba yang diamalkan membatasi pusingan dan kitaran kekayaan di tangan kelompok minoriti.

### 4.3 Pengharaman zina

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Isra' ayat 32:

زُورُوكُمْ كَسَدًا

Ertinya :

*“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat ”*

Surah al-Isra' (17) : 32

Zina adalah perbuatan yang sangat keji disisi agama Islam kerana kesannya yang sangat buruk bukan sahaja menghilangkan kehormatan si pelakunya malah akan mencemari kesucian keturunan seterusnya memudaratkan masyarakat. Melindungi keturunan dari percampuran nasab yang tidak jelas merupakan salah satu tujuan utama syariat Islam. Justeru, Islam mensyariatkan perkahwinan dan kewajipan menutup aurat untuk menghalang kemudatan zina di kalangan manusia yang boleh menghancurkan kehidupan mereka.

Sains moden dan realiti terkini membenarkan amaran Allah yang terkandung dalam ayat 32 dari surah al-Isra' tersebut. Dunia hari ini menyaksikan zina dan perbuatan kotor lain seperti liwat dan transeksual bermaharajalela dan akibatnya terjadilah penyebaran beberapa jenis penyakit seksual<sup>8</sup> yang tidak pernah wujud sebelum ini. Penyakit seksual pertama yang muncul ialah penyakit *Shypilis*, diikuti *Herbes*, *AIDS* dan *Gonorhea*. Masalah penyakit seksual ini mendapat

---

<sup>8</sup> International Commission on Scientific Signs in the Qur'an and the Sunnah, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=232-الأمراض الجنسية-الحصاد الحتمي](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=232-الأمراض الجنسية-الحصاد الحتمي) : للإباحية &catid=60 العدد الثاني, 5 Oktober 2011.





Ertinya :

*“Wahai orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah perbuatan keji dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”*

Surah al-Maidah (5) : 90

Statistik di Amerika menunjukkan bahawa 93% penduduknya meminum arak, 4% lelaki menderita penyakit biasa, 5% wanita dan 10% lelaki menderita penyakit kronik yang membawa maut akibat ketagihan kepada arak.

Dari segi fakta saintifik<sup>10</sup>, arak memberi kesan negatif kepada semua organ tubuh. Ia mampu menghilangkan kemampuan dinding otak untuk menganalisa sesuatu hal, mengganggu system pernafasan otak yang boleh menyebabkan kematian. Berdasarkan penjelasan dari buku *Alcoholism*, apabila arak menyerap kedalam usus dan sampai ke darah, ia akan masuk ke janin melalui plasenta dan akhirnya sampai ke seluruh jaringan tubuh. Kajian juga mendapati semakin kompleks dan spesifik fungsi organ tubuh, semakin besar pula risikonya menerima kesan beracun arak<sup>11</sup>. Otak, hati dan kelenjar-kelenjar endokrin menjadi organ tubuh pertama yang gagal berfungsi akibat gangguan yang dialami dari racun arak. Kemudaran lain yang dialami akibat minuman keras ini juga melibatkan gangguan terhadap system pencernaan, hati, jantung, sistem saraf, fungsi seksual dan system pertahanan tubuh.

#### 4.5 Hukuman sebat terhadap pesalah zina

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Nur ayat 2:

پ پ پ ن ن ن ذ ذ ذ

Ertinya :

*“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat”*

Surah al-Nur (24) : 2

---

<sup>10</sup> International Commission on Scientific Signs in the Qur'an and the Sunnah, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=535:التداوي منع أحاديث العلمية الإعجاز: العدد السابع](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=535:التداوي منع أحاديث العلمية الإعجاز: العدد السابع), 21 Oktober 2011.

<sup>11</sup> Al-Syarif, *op. cit.*, h. 226-227.

Pesalah zina yang belum berkahwin. mempunyai antibody T4 Limfosit yang kuat dan masih bertenaga. Jika sekiranya seseorang pesalah zina itu dihinggapai HIV selepas penzinaanya, T4 Limfositnya akan diserang oleh HIV Aids yang akan menyebabkan sel-sel T4 Limfositnya musnah sehingga menyebabkan mati dan akhirnya sel sum-sum tulangnya mengalami kelumpuhan dan fibrosis dan tidak lagi dapat lagi menghasilkan sel-sel T4 yang baru. Badan akan lemah dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit akan menyerang.

Pesakit jenis ini juga mempunyai kemungkinan untuk disembuhkan. Tetapi dengan syarat ia mesti didera dan badannya mesti mengalami kesakitan yang banyak bagi merangsang penghasilan sel-sel T4 yang baru serta mengelakkan sum-sum tulang daripada fibrosis. Cara terbaik adalah dengan menyebet diantara bawah tengkuk dan di atas pinggang di bahagian belakang dengan sebatan yang akan merangsang penghasilan semula antibody T4 yang baru dan pesakit tersebut boleh sembuh daripada AIDS selepas antibody sel-sel T4 Limfositnya itu boleh menguasai HIV AIDS.

Jika sekiranya pesakit tersebut sudah berkahwin apabila dihinggapai virus AIDS, sel-sel T4 mereka telah lemah berbanding dengan sel-sel T4 kepunyaan mereka yang belum berkahwin. Kelemahan ini berpunca daripada sum-sum tulang yang mengalami sedikit hakisan dan kurang menghasilkan antibody kerana lebih banyak ditumpukan kearah menghasilkan benih-benih bagi tujuan menghasilkan sperma-sperma baru. Penzina jenis ini tidak akan dapat diselamatkan daripada virus HIV AIDS dan rejam sehingga mati adalah merupakan penyelesaian terbaik bagi mengelakkan jangkitan dan penyebaran penyakit di samping memberikan pengajaran yang menyebabkan orang lain takut untuk melakukan kesalahan yang sama<sup>12</sup>.

#### 4.6 Pensyariatkan perkahwinan

Islam mensyariatkan perkahwinan untuk menjaga nilai kemanusiaan dan menyelamatkan keturunan dan keturunan daripada tercemar, mewujudkan kerjasama dikalangan suami isteri, melaksana sunnah Nabi Muhammad s.a.w dan menghindari dari sebarang penyakit yang berkaitan<sup>13</sup>.

Barang siapa yang berkahwin sebetulnya mendapat manfaat yang cukup besar pada kesihatan mereka<sup>14</sup>. Ada dua teori yang mungkin boleh anda fikirkan mengapa masalah ini berlaku. Teori ini diilhamkan oleh seorang ahli statistik Charlotte Schoenborn dalam satu temu ramah.

Pertama, berdasarkan teori beliau, perkahwinan secara tidak langsung berkemungkinan memberi perlindungan terhadap kesihatan. Sebagai contoh, pasangan yang berkahwin mempunyai

---

<sup>12</sup> Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir,

[http://www.pram.org/index.php?option=com\\_content&view=article&id=476:hikmah-perlaksanaan-hukum-hudud-menurut-al-quran-dan-sains&catid=7:ilmiah&Itemid=69](http://www.pram.org/index.php?option=com_content&view=article&id=476:hikmah-perlaksanaan-hukum-hudud-menurut-al-quran-dan-sains&catid=7:ilmiah&Itemid=69), 9 Oktober 2011.

<sup>13</sup> Institut al-Quran Malaysia, <http://institut-alquran-malaysia.blogspot.com/2011/11/kenapa-disyariatkan-sebuah-perkahwinan.html>, 19 Oktober 2011.

<sup>14</sup> Al-Syarif, *op. cit.*, h. 180-181.

kelebihan dari aspek perkongsian sumber ekonomi, sokongan sosial dan psikologi. Selain itu, mereka juga mendapat dorongan dan galakan antara satu sama lain untuk meneruskan amalan gaya hidup yang sihat.

Kedua, mereka yang mempunyai tahap kesihatan yang baik atau sihat akan berkahwin, dan kekal dalam perkahwinan tersebut. Sebaliknya mereka yang 'kurang sihat' tidak berkahwin atau lebih cenderung berpisah, bercerai, menduda atau menjanda. Secara keseluruhan, kaitan antara status perkahwinan dan status kesihatan wujud tanpa mengira status sosioekonomi, etnik, tahap pendidikan dan kemiskinan di mana saja mereka dilahirkan.

Schoenborn melontarkan teori tersebut, berdasarkan laporan kajian Pusat Kebangsaan untuk Statistik Kesihatan baru-baru ini. Teori Schoenborn itu diperoleh berdasarkan kajian terhadap lebih 125,000 orang. Dalam kajian tersebut, mereka yang berkahwin khususnya lebih cenderung untuk bertambah berat badan. Pusat itu juga mendedahkan kaitan beberapa perkahwinan, tahap umur dan status kesihatan mereka. Di kalangan orang dewasa yang berusia lebih 18 tahun dan ke atas, 12 peratus tahap kesihatan mereka dalam lingkungan baik atau teruk. Tahap kesihatan golongan duda dan janda dikategorikan paling teruk. Secara umum, orang dewasa yang berkahwin paling sedikit mengalami masalah kesihatan. Selain itu, mereka paling kurang terbabit dalam tingkah laku yang berisiko kecuali pertambahan berat badan<sup>15</sup>.

Kajian yang mengambil masa selama tiga tahun itu dikendalikan sebahagiannya oleh persekutuan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC). Di samping tahap kesihatan yang jauh lebih baik, kajian itu juga mendapati mereka yang berkahwin kurang mengalami beberapa masalah kesihatan. Antaranya, kurang mengalami sakit belakang bahagian bawah, kurang sakit kepala dan tekanan psikologi kecuali masalah berat badan. Malah mereka juga kurang minum minuman keras, merokok dan aktif secara fizikal berbanding orang lain.

Sementara itu, dalam satu kajian yang berasingan oleh The Harvard School of Public Health, mendedahkan lelaki yang berkahwin semula juga boleh mengalami pertambahan berat badan. Kesimpulan yang diperoleh daripada kajian tersebut pertambahan berat badan ini kerana perkahwinan itu sendiri merobah tingkah laku makan mereka semasa mereka menjadi 'orang bujang'. Kajian ini juga menyimpulkan banyak kesan positif pada kesihatan seorang lelaki. Mereka juga dilaporkan kurang minum minuman keras, makan lebih banyak sayuran, daging yang kurang lemak, kurang minuman manis berbanding dengan mereka yang bercerai. Perubahan ini amat ketara pada tabiat pemakanan mereka terutama kepada lelaki muda yang berkahwin semula selepas kehilangan pasangan. Sekalipun ada perubahan positif dalam tabiat pemakanan, lelaki yang berkahwin semula kurang melakukan senaman. Ini mengakibatkan mereka mengalami pertambahan berat badan. Kemungkinan lebih banyak masa diperlukan untuk

---

<sup>15</sup> News Division of American Television and Radio Network CBS, Is Marriage Good for Your Health? <http://www.cbsnews.com/stories/2004/12/15health/main661322.shtml>, December 31, 2011.

pasangan baru menyebabkan mereka kekurangan masa untuk melakukan senaman secara rutin.

Kajian yang disiarkan dalam *Journal of Epidemiology and Community Health* itu, mendapati rata-rata lelaki yang berpisah dengan pasangan mereka mengalami penurunan berat badan, merokok dan lebih banyak minum minuman keras. Profesor Ben Fletcher, dari Persatuan Psikologikal Britain berkongsi pandangan beliau tentang lelaki yang berkahwin semula. Menurut beliau, golongan ini biasanya lebih sedentari, mendapat lebih banyak sokongan sosial - kuasa yang paling besar pada kesihatan dan diri seseorang.

Ketua Jabatan Psikologi University of Hertfordshire bersetuju dengan pandangan beliau berdasarkan kajian lain. Lelaki katanya, tidak dapat mengendalikan diri apabila mereka kehilangan pasangan. "Mereka tidak seperti wanita yang lebih tabah, kita dapat lihat peningkatan kes kematian di kalangan lelaki dalam tempoh enam bulan selepas kematian pasangan mereka," katanya<sup>16</sup>.

Sementara itu, seorang pakar psikologi dari La Trobe University, Melbourne, Australia, Dr. David de Vaus mengakui perkahwinan memberi kebahagiaan kepada kedua-dua pasangan, lelaki dan juga wanita. Beliau menyangkal teori sebelum ini yang mengatakan hanya lelaki yang mendapat lebih banyak kebaikan jika mereka menyimpul ikatan perkahwinan. Berdasarkan tinjauan kesihatan mental di Australia ke atas lebih 10,641 orang dewasa mendapati tekanan yang dialami lelaki dan wanita yang berkahwin adalah sama<sup>17</sup>.

Dalam satu kajian yang lain, saintis mendapati, lelaki dan wanita yang berkahwin mempunyai tahap kesihatan yang lebih baik berbanding mereka yang bujang. Faktor ini sebahagiannya disumbangkan oleh sokongan sosial daripada suami atau isteri. Malah saintis percaya, kehidupan mereka yang bujang jauh lebih teruk - kerana tiada siapa yang mengambil berat berhubung kesihatan atau penjagaan diri mereka.

Seorang pakar psikologi, Dr. Janet Empson mempunyai pandangan yang sama bahawa lelaki bujang berisiko mati lebih awal kerana mereka sukar mengendalikan emosi sendiri. Sehubungan itu, pakar-pakar psikologi bersetuju menyimpulkan perkahwinan memberi manfaat jangka panjang pada kesihatan lelaki dalam bentuk sokongan emosi.

#### **4.7 Pengharaman darah dan kewajipan penyembelihan**

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat 173

---

<sup>16</sup> Department of The British Broadcasting Corporation (BBC), *BBC News*, Remarriage makes men gain weight, <http://news.bbc.co.uk/2/hi/health/4094291.stm>. December 31, 2011.

<sup>17</sup> James Chapman (2011): "Marriage can take the stress out of life". *Mail Online (Health)*, <http://www.dailymail.co.uk/thread/article-141043/Marriage-stress-life.html>. December 31, 2011.



Beberapa kajian ilmiah menunjukkan bahawa waktu-waktu solat yang ditetapkan dalam Islam sangat selaras dengan waktu-waktu biologi yang penting dalam perubahan harian fisiologi tubuh badan<sup>19</sup>.

Solat Subuh- Tubuh badan bersedia menyambut kedatangan siang (waktu terang) tepat pada masanya sehingga menurunkan aktiviti kelenjar pineal, mengurangi produksi melatonin dan mengaktifkan system-sistem lain yang berkaitan dengan terang.

Solat Zuhur- Tubuh badan dapat ditenangkan dengan solat selepas kenaikan kulminatif pertama hormon adrenalin pada waktu pagi. Solat zuhur juga membantu menenangkan stress akibat rasa lapar (jika tidak bersarapan) dan boleh mengurangkan keinginan seks yang timbul apabila hormon testosteron mencapai kemuncak pada waktu zuhur.

Solat Asar- Pada waktu asar, tubuh badan yang sihat sekalipun akan mengalami gangguan kerana kadar zat *peptide* (zat kimia anasthetik dan pemacu tidur yang dikeluarkan tujuh jam setelah bangun tidur) mengalami peningkatan dan menyebabkan tumpuan tubuh badan menjadi lemah dan mengakibatkan mengantuk. Dengan mendirikan solat asar, ia dapat merangsang tumpuan dan mampu mencegah komplikasi masalah jantung dan pernafasan.

Solat Maghrib- Waktu maghrib adalah waktu pertukaran dari siang ke malam. Dengan kedatangan malam (gelap) pengeluaran hormone melatonin meningkat sehingga merangsang rasa mengantuk dan malas pada tubuh badan.

Solat Isyak- Ia adalah masa peralihan tubuh badan dari aktif ke pasif. Ia adalah titik akhir bagi proses peralihan tubuh, justeru itu solat jika dilaksanakan pada akhir malam sebelum tidur sangat sesuai kerana ketika itu suhu panas tubuh dan kelajuan denyutan jantung menurun.

---

<sup>19</sup> International Commission on Scientific Signs in the Qur'an and the Sunnah, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=category&id=881: الصلاة في الوقاية من مرض معجزة: العدد الثاني: 7 Oktober 2011. &catid=60: دوالي الساقين](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=category&id=881: الصلاة في الوقاية من مرض معجزة: العدد الثاني: 7 Oktober 2011. &catid=60: دوالي الساقين)

## Rujukan

- 'Abbas, Fadhl et. al., (1991), *I'jaz al-Quran al-Karim*, Amman: Dar al-Furqan, h. 46-48
- Al-Syarif, 'Adnan (1995), *Min 'ilm al-Tib al-Qur'ani*, Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayan.
- 'Abd al-Razak Nawfal (1987), *al-I'jaz al-'Adadi li al-Quran al-Karim*, Kaherah : Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Qattan, Manna' (t.t), *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Kaherah: Maktabah Wahbah
- Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah (1992). *Al-Bayan fi I'jaz al-Quran*, Amman : Dar 'Ammar li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Department of The British Broadcasting Corporation (BBC), *BBC News*, Remarriage makes men gain weight, <http://news.bbc.co.uk/2/hi/health/4094291.stm>. December 31, 2011.
- Institut al-Quran Malaysia, <http://institut-alquran-malaysia.blogspot.com/2011/11/kenapa-disyariatkan-sebuah-perkahwinan.html>, 19 Oktober 2011.
- International Commission on Scientific Signs in the Qur'an and the Sunnah, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=232](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=232) الأمراض العدد الثاني: &catid=60: الحصاد الحتمي- للإباحية, 5 Oktober 2011.
- International Commission on Scientific Signs in the Qur'an and the Sunnah, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=category&id=881](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=category&id=881): معجزة: الثالث العدد الثاني: &catid=60: الصلاة في الوقاية من مرض دوالي الساقين, 7 Oktober 2011.
- International Commission on Scientific Signs in Quran & Sunnah, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=239](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=239): الحيوان قبل ذبح: الثالث العدد: &catid=61: موته ضمان لطهارة لحمه من الجراثيم والميكروبات, 17 Oktober 2011.
- International Commission on Scientific Signs in the Qur'an and the Sunnah, [http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com\\_content&view=article&id=535](http://www.eajaz.org/arabic/index.php?option=com_content&view=article&id=535): الإعجاز: العدد السابع: &catid=65: بالخمر التداوي منع أحاديث العلمي, 21 Oktober 2011.
- James Chapman (2011): "Marriage can take the stress out of life". *Mail Online (Health)*, <http://www.dailymail.co.uk/thread/article-141043/Marriage-stress-life.html>. December 31, 2011.
- Muhammad Ismail Ibrahim (t.t.), *Al-Quran wa I'jazuh al-'Ilmi*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- News Division of American Television and Radio Network CBS, Is Marriage Good for Your Health? <http://www.cbsnews.com/stories/2004/12/15health/main661322.shtml>, December 31, 2011.

Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir,  
[http://www.pmram.org/index.php?option=com\\_content&view=article&id=476:hikmah-perlaksanaan-hukum-hudud-menurut-al-quran-dan-sains&catid=7:ilmiah&Itemid=69](http://www.pmram.org/index.php?option=com_content&view=article&id=476:hikmah-perlaksanaan-hukum-hudud-menurut-al-quran-dan-sains&catid=7:ilmiah&Itemid=69), 9  
Oktober 2011.

Yusuf Al-Hajj Ahmad (2009), *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains Dalam al-Quran dan Sunnah*,  
Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication